



Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/2/20(7)

Tarikh : 08 Oktober 2025

16 Rabiul Akhir 1447H

**KETUA JABATAN,
PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) DI NEGERI JOHOR.
(SEPERTI SENARAI EDARAN)**

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

**SURAT PERINGATAN : TINDAKAN KE ATAS PINDAHAN DANA ELEKTRONIK
(EFT) TERBATAL SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2025**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan Jabatan ini, didapati terdapat transaksi Pindahan Dana Elektronik (EFT) Ditolak/ Cek Terbatal bagi PTJ yang masih belum dibuat tindakan penggantian/ pelarasan sehingga 30 September 2025 seperti di LAMPIRAN A. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 Tahun 2023, Tatacara Pengurusan Bayaran – Lampiran G (Garis Panduan Tatacara Pengurusan EFT Ditolak/ Cek Terbatal), PTJ adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tatacara seperti berikut :

- 2.1 Tindakan semak Laporan Cek/ EFT Batal Belum Ganti **secara harian**;
- 2.2 Tindakan semak Laporan Senarai Cek/ EFT Dibatalkan **secara harian**;
- 2.3 Semak transaksi yang ditolak untuk mengenalpasti punca penolakan. PTJ perlu menentukan **tindakan penggantian/ pelarasan**, atau membuat pelarasan terlebih dahulu sebelum tindakan penggantian boleh dibuat;
- 2.4 Melengkapkan LAMPIRAN B (G2) iaitu Borang Penggantian/ Pelarasan dalam **tempoh tujuh (7) hari** dengan disertakan dokumen sokongan yang dinyatakan pada LAMPIRAN C (G5) untuk tindakan penyediaan Arahan Pembayaran (Rujuk MPK-AP 15 dan 17: Proses Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan) atau Baucar Jurnal (KJ – Jurnal Biasa Pelarasan) (Rujuk MPK AP – 20 : Proses Penyediaan Baucar Jurnal).
- 2.5 Bagi penggantian/ pelarasan EFT Ditolak/ Cek Terbatal sebelum tahun 2018, PTJ hendaklah menghantar Borang Penggantian/ Pelarasan tersebut ke Pejabat Perakaunan untuk tindakan selanjutnya.

3. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan seperti yang dinyatakan di Para 2 di atas. PTJ perlu mengemaskini **status tindakan** yang telah diambil ke atas semua transaksi EFT Ditolak/ Cek Terbatal tersebut selewat-lewatnya pada **15 Oktober 2025 (Rabu)** melalui pautan <https://bit.ly/EFTBATALSEPTEMBER>

Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/2/20(7)

4. Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini boleh dirujuk kepada Unit Akaun, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Johor (u/p: Pn. Azimah Binti Hamzah melalui telefon 07-2249244 (sambungan 1152) atau melalui emel azimah.hamzah@anm.gov.my.

5. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(RAHMAD JULKIFLI BIN MOHD ALI CIPFA (UK), C.A.(M), CPA (AUST))
Pengarah Negeri,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Johor.

UA,AGD/2025-NBS/azimah

SENARAI EDARAN

BIL	NAMA PTJ
1	Pejabat Negeri Pertahanan Awam Johor
2	Jabatan Kemajuan Orang Asli Johor
3	Jabatan Pengangkutan Jalan Johor Bahru
4	Pejabat Pendidikan Daerah Kulai
5	Pejabat Pendidikan Daerah Pontian
6	Politeknik Ibrahim Sultan
7	Jabatan Kerja Raya (Elektrik) Johor
8	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Tangkak
9	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Johor Bahru
10	Pejabat Pengarah Penjara Negeri Johor
11	Pejabat Pembangunan Negeri Johor
12	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara Johor
13	Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim
14	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Johor (Pengurusan)
15	Taman Sinar Harapan Jubli
16	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik Kota Tinggi
17	Kolej Komuniti Bandar Penawar
18	Kolej Komuniti Segamat
19	Kolej Komuniti Pagoh
20	Hospital Sultanah Aminah
21	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
22	Pejabat Pendidikan Daerah Muar
23	Jabatan Penyiaran Negeri Johor
24	Pejabat Tenaga Kerja Johor
25	Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor
26	Jabatan Kerja Raya, Negeri Johor

Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/2/20
LAMPIRAN B (G2)

**BORANG PENGGANTIAN/PELARASAN
PINDAHAN DANA ELEKTRONIK (EFT) DITOLAK/CEK TERBATAL
OLEH PUSAT TANGGUNGJAWAB/ PEJABAT PERAKAUNAN**

Rui Kami :
Tarkan :

A. MAKLUMAT PTJ PEMOHON

- [illegible]

B. MAKLUMAT PENERIMA BAYARAN

- [illegible]

SENARAI SEMAK PENGENDALIAN PINDAHAN DANA ELEKTRONIK
(EFT) DITOLAK/CEK TERBATAL

BIL.	PERKARA	TINDAKAN (/) yang mana berkaitan	
		PTJ	AO
1.	Borang Penggantian/Pelarasan Pindahan Dana Elektronik (EFT) Ditolak/Cek Terbatal oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) /Pejabat Perakaunan (<u>Lampiran G2</u>)	☐	☐
2.	i. Salinan Buku Akaun/Penyata Bank yang disahkan oleh PTJ; atau	☐	☐
	ii. Salinan Buku Akaun/Penyata Bank yang disahkan aktif oleh pihak bank (sekiranya penolakan disebabkan akaun bank tidak aktif); atau	☐	☐
	iii. Bagi pegawai awam, salinan Laporan <i>Payroll Master Listing</i> (PML).	☐	☐
3.	Bagi kes pembayaran kepada waris Penerima Bayaran yang telah meninggal dunia, dokumen sokongan hendaklah mematuhi perenggan 9 Lampiran B Tatacara Pengurusan Bayaran.	☐	☐
4.	Tiada keperluan penggantian Contoh: Penerima bantuan kebajikan Sediakan Baucar Jurnal (KJ – Jurnal Biasa Pelarasan) untuk melaraskan transaksi ke Vot/Hasil/Amanah.	☐	☐
5.	Jika individu/syarikat muflis:		
	i. Semua individu/syarikat yang muflis, EFT Ditolak/Cek Terbatal hendaklah dibayar kepada Jabatan Insolvensi; atau	☐	☐
	ii. Surat kebenaran daripada Jabatan Insolvensi yang mengesahkan pembayaran boleh dibuat kepada pemohon.	☐	☐
6.	Jika syarikat/pemiagaan milik tunggal/perkongsian bertukar nama:		
	i. Syarikat - salinan Borang 13 Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	☐	☐
	ii. Pemiagaan milik tunggal/ perkongsian - salinan Borang D dan/ atau salinan Borang E SSM.	☐	☐
7.	Jika syarikat dibubarkan:		
	i. Semua syarikat yang dibubarkan, EFT Ditolak/Cek Terbatal hendaklah dibayar kepada Syarikat Pelikuidasi (<i>Liquidator</i>); atau	☐	☐

Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/2/20
LAMPIRAN C (G5)

[illegible]